

Headline	TNB komited jayakan agenda perubahan iklim		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	13 Oct 2021	Language	Malay
Circulation	107,609	Readership	322,827
Section	Ekonomi	Page No	34
ArticleSize	304 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 37,437		



TNB komited jayakan agenda perubahan iklim

PETALING JAYA: Tenaga Nasional Berhad (TNB) menyokong penuh pendirian kerajaan dalam menerajui agenda perubahan iklim dan teknologi hijau negara yang diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, semalam.

Pengerusi TNB, Datuk Seri Hasan Arifin berkata, syarikat utiliti elektrik nasional itu telah pun mengambil tindakan proaktif Ogos lalu dengan mengumumkan hala tuju kelestariannya (TNB *Sustainability Pathway*) dalam mendukung usaha menyeluruh meminimumkan kesan peningkatan pelepasan gas rumah kaca ekoran aktiviti manusia.

"Di bawah hala tuju ini, kami telah menetapkan aspirasi mencapai pelepasan sifar bersih menjelang 2050. Hasrat ini di-

pacu komitmen mengurangkan intensiti pelepasan sebanyak 35 peratus serta pengurangan 50 peratus kapasiti penjanaan tenaga menerusi arang batu menjelang 2035.

"Ia adalah pelan strategik rendah karbon untuk menyumbang kepada kehidupan yang lebih sejahtera sejajar komitmen masyarakat dunia melindungi bumi dengan memastikan semua orang menikmati kesejahteraan," katanya dalam kenyataan, semalam.

Inisiatif TNB ini menepati agenda perubahan iklim dan teknologi hijau kerajaan Malaysia yang bakal dibentangkan pada Konvensyen Rangka Kerja Perubahan Iklim Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNFCCC COP-26) di Glasgow, Scot-



HASAN ARIFIN

land pada 31 Oktober hingga 12 November depan.

Sementara itu, Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Ir. Baharin Din pula menjelaskan, TNB juga komited me-



IR. BAHARIN DIN

mastikan pendapatan daripada loji arang batu tidak melebihi 25 peratus daripada keseluruhan pendapatannya.

"Pada awal tahun ini, kami telah menyatakan komitmen

untuk tidak lagi melabur dalam pembinaan loji arang batu di atas tapak baharu selepas Stesen Janakuasa Jimah East Power, di Port Dickson, yang mula beroperasi pada 2019.

"Sebagai langkah tambahan, TNB juga akan meningkatkan peruntukan dalam penyelidikan dan pembangunan (R&D) berkaitan tenaga boleh baharu (RE) selain usaha sedia ada dalam aktiviti perniagaan RE," jelasnya.

Untuk itu, katanya, TNB giat meneraju peralihan tenaga dengan mengutamakan kecekapan tenaga dan teknologi tenaga bersih termasuk menambah aset RE dalam dan luar negara, serta infrastruktur berkaitan seperti kestabilan grid dan meningkatkan digitalisasi.